

15/11/1998

30 pelajar berpeluang temui tokoh

Hatipah Ahmad

KUALA LUMPUR: Seramai 30 pelajar dari negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) akan berpeluang menemuramah ketua negara dan tokoh korporat terkemuka dunia, sepanjang empat hari sehingga Rabu ini.

Peluang bersemuka dengan pemimpin terkemuka dunia ini adalah bersempena dengan sidang kemuncak Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) yang berlangsung di Kuala Lumpur, ketika ini.

Peluang itu adalah sebahagian daripada program Temuramah Sejagat MSC-VTM (Koridor Raya Multimedia dan Yayasan Misi Perdagangan Maya) yang diadakan di atas sebuah pentas utama yang direka khusus di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Abac akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dan mesyuaratnya diadakan di PWTC dan Hotel Pan Pacific Kuala Lumpur, membabitkan perbincangan secara permuafakatan antara beberapa tokoh korporat dunia.

Sementara itu, program Temuramah Sejagat MSC VTM itu akan disertai oleh beberapa pelajar universiti dan sekolah tinggi di Amerika Syarikat, Malaysia, Jepun, Korea, Australia dan New Zealand.

Penyelaras program yang juga Presiden VTM, Noel Gould, berkata program yang akan berlangsung selama enam jam setiap hari itu dan ia akan disiarkan ke seluruh dunia menggunakan teknologi maya MSC.

"Program itu adalah bertujuan untuk membolehkan masyarakat antarabangsa mengetahui mengenai peranan Apec dan matlamatnya ke arah perpaduan dan ekonomi sejagat.

"Program yang diilhamkan oleh Dr Mahathir itu adalah yang pertama diperkenalkan pada mesyuarat Apec dan ia akan dijadikan satu forum antara-aktif yang paling cekap dan memberi kesan pembelajaran menerusi MSC," katanya pada satu taklimat khas kepada pelajar terbabit di PWTC, semalam.

Pelajar terbabit baru tiba di Kuala Lumpur sejak kelmarin dan akan berada di Malaysia untuk menjalankan sesi temuramah mereka dengan ketua negara dan tokoh korporat sehingga Rabu ini.

Gould berkata, antara tokoh pemimpin yang akan ditemuramah oleh pelajar terbabit ialah Dr Mahathir; Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton; Perdana Menteri New Zealand, Jenny Shipley; dan Presiden Korea Selatan, Kim Dae-Jung.

Selain itu, tokoh korporat dunia yang akan ditemuramah ialah Pengerusi Bank of China, Wang Xuebing; Pengerusi General Motors, Jack Smith; dan Pengerusi Asia 2000 Foundation of New Zealand, Philip Burdon.

Sementara itu, salah seorang peserta program iaitu Jean-Pierre Kapel, 17, dari Australia berkata, beliau mahu menemuramah tokoh pemimpin yang paling dikagumi, Presiden Clinton.

Beliau yang kini menuntut di Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur berkata, perkara pertama yang ingin diketahuinya dari Clinton ialah cabaran untuk menjadi tokoh pemimpin yang paling berpengaruh di dunia.

Sementara itu, seorang lagi peserta, Ian Lloyd Anthony, 18 yang menuntut A Levels di Kolej Tunku Abdul Rahman dalam bidang sains berkata, beliau memang berharap berjumpa dengan Dr Mahathir kerana menghormati corak kepemimpinannya.

(END)